

Mesej Dua Belas

**Menjalani Kehidupan yang Jayeng dengan Meraja dalam Hayat
agar Menjadi Yerusalem Baru yang Merupakan Kota Hayat**

Bacaan Bible: Roma 5:10, 17, 21; 14:17-18; Mrk. 4:26-29; Luk. 17:21; Mat. 24:14

I. Kehidupan orang Kristian yang sejati ialah kehidupan seorang pejayeng, dan semua pejayeng dalam Wasiat Baru harus merupakan raja yang menerima kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran untuk meraja dalam hayat—Roma 5:17:

- A. Sebagai penyabda dan hentar yang ditetapkan Tuhan, kita juga ialah raja yang membenarkan Tuhan memerintah dalam kita dan menerusi kita atas semua musuh-Nya; percayawan dalam Wasiat Baru harus merupakan penggenapan bagi tipologi raja, hentar, dan penyabda dalam ekonomi Tuhan:
 1. Dalam Wasiat Baru, semua percayawan diselamatkan untuk menjadi raja dan hentar; apabila hentar berbicara untuk Tuhan, mereka menjadi jurubicara Tuhan, jurucakap Tuhan, dan inilah penyabda—1 Ptr. 2:5, 9; Wahi 1:6; 20:6; 22:3-5; 1 Kor. 14:12, 24-25, 31.
 2. Bertutur-sabda (membicarakan Kristus ke dalam orang) menjadikan kita pejayeng; bertutur-sabda ialah fungsi pejayeng—ay. 4b; 1 Ptr. 4:10-11; Kis. 5:20 dan nota kaki 2.
 - B. Jika kita belum mencapai tahap seorang raja dalam kehidupan Kristian kita, maka kita masih berada lebih rendah daripada standard yang wajar; kita mungkin berkata bahawa kita menikmati Kristus, namun ke tahap apakah, setakat manakah kita menikmati Kristus?
 - C. Kenikmatan kita terhadap Kristus mungkin hanya “seinci tinggi”, tetapi Kristus adalah tidak terhad; kenikmatan kita terhadap Kristus haruslah mencapai tahap menjadi raja; kita perlu menikmati kurnia atas kurnia sehingga tahap kurnia meraja dalam kita supaya kita dapat menjadi penyelenggara yang baik bagi pelbagai kurnia Tuhan—Flp. 3:13; Yoh. 1:16; Roma 5:21; 1 Ptr. 4:10; Ef. 3:2.
 - D. Penyelamatan lengkap Tuhan adalah untuk kita diselamatkan dalam hayat Kristus agar kita meraja dalam hayat ini melalui kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran (Roma 5:10, 17, 21); berian keadilbenaran ialah penbusan judisial Tuhan yang diaplikasikan pada kita secara praktikal; kurnia ialah Tuhan sendiri sebagai bekalan kita yang serba mencukupi untuk penyelamatan organik kita.
- II. Wahi, iaitu buku terakhir dalam Bible, ialah buku tentang pejayeng; dalam bab 2 dan 3, Tuan mengeluarkan panggilan tujuh kali ganda terhadap kita, percayawan-Nya, iaitu keturunan rohani kepada Abraham bapa kita yang agung, untuk menjadi pejayeng-Nya (2:7, 11, 17, 26; 3:5, 12, 21), yakni orang yang menakluki segala keporak-perandaan kesyaitanan (bd. Kol. 1:17b, 18b, 10) dan menang gemilang dalam ekonomi divin (Roma 8:37; 2 Kor. 2:14):**
- A. Dari sudut pandangan Tuhan, terdapat empat bangsa manusia yang utama: bangsa Adam, bangsa Abraham menurut tubuh daging (Kej. 13:16), bangsa Abraham menurut Roh itu (15:5; Gal. 3:7, 29), dan bangsa pejayeng; kita harus melatih roh iktikad kita untuk mengisyiharkan bahawa kita kepunyaan bangsa pejayeng (2 Kor. 4:13).
 - B. Buku Wahi menunjukkan kepada kita bahawa tanpa pejayeng, Kristus tidak ada jalan untuk kembali; kita mengetahui bahawa Kristuslah jalan kita (Yoh. 14:6a), namun dari lubuk hati-Nya, Kristus ingin memberitahu pejayeng bahawa

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Dua Belas (sambungan)

merekalah jalan-Nya; pejayeng ialah jalan untuk Kristus kembali (Wahi 19:7-9; Mzm. 45:13-14).

- C. Biarlah Tuhan memberkati kamu untuk menjadikan kamu pejayeng hari ini, agar kamu menjalani suatu kehidupan yang meraja; berkat tunggal ini ialah berkat abadi Tuhan Tritunggal yang mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk kita nikmati—Bil. 6:22-27; 2 Kor. 13:14; Ef. 1:3; Gal. 3:14.

III. Untuk meraja dalam hayat agar menjadi pejayeng Tuan, kita perlu melihat bahawa kita telah dilahirukan dengan hayat yang divin, rohani, syurgawi, rajani, dan diraja; Tuan berkata, “Begin juga dengan kingdom Tuhan: um-pama orang menabur benih di bumi”—Mrk. 4:26; 1 Yoh. 3:9:

- A. Benih ini ialah benih hayat divin (ay. 9; 1 Ptr. 1:23) yang disemaikan ke dalam percayawan, menunjukkan bahawa kingdom Tuhan (hasil dan matlamat injil Tuan) dan gereja pada zaman ini (Roma 14:17) adalah berkenaan hayat, iaitu hayat Tuhan; hayat ini bertunas, bertumbuh, berbuah, menjadi matang, dan menghasilkan tuaian (1 Kor. 3:6-9; Wahi 14:4, 15-16).
- B. Kingdom Tuhan ialah Kristus sendiri (Luk. 17:21); sebagai Tuhan Tritunggal dalam keinsanan (Kol. 2:9), Kristus ialah benih, “gen”, kingdom Tuhan yang disemaikan ke dalam umat pilihan Tuhan agar Dia dapat bertumbuh dalam mereka, hidup dalam mereka, dan diekspresikan dari dalam mereka untuk berkembang menjadi alam pemerintahan Tuhan (Mrk. 4:26-29; 1 Kor. 3:9).
- C. Elemen intrinsik seluruh ajaran Wasiat Baru ialah Tuhan Tritunggal berinkarnasi untuk disemaikan ke dalam umat pilihan-Nya dan berkembang dalam mereka menjadi satu kingdom; matlamat Tuhan ialah kingdom Tuhan berkembang se-penuhnya:
1. Dalam buku Injil, kita melihat penyemaian benih, gen, kingdom—Mrk. 4:3, 14; Mat. 9:35.
 2. Dalam buku Kisah, kita melihat pengembangluasan dan penyebaran penyemaian ini oleh ribuan penyemai yang telah menerima benih, gen, kingdom—6:7; 12:24; 19:20.
 3. Dalam Surat-surat, kita melihat pertumbuhan benih, gen, kingdom—1 Kor. 3:6, 9b; 2 Ptr. 1:3, 11.
 4. Penuaan benih ini didapati dalam buku Wahi dengan adanya penuaan buah sulung serta tuaian—14:4, 15-16; Mrk. 4:29; Mat. 13:39.
 5. Kingdom milenium ialah perkembangan penuh bagi benih, gen, kingdom, dengan Anak sebagai Raja dan semua pejayeng sebagai raja bersama dengan-Nya, iaitu “umat gen kingdom”—Wahi 20:6.
 6. Yerusalem Baru, yakni kingdom abadi Tuhan, ialah perkembangan paling penuh bagi benih (gen) kingdom yang disemai oleh Yesus orang Nazaret itu dalam empat Injil—Wahi 21:2; 22:1, 3, 5; 5:10; 3:12; 11:15; 19:6; 20:6; Mzm. 146:10.
 7. Kita perlu bersatu dengan Tuan untuk memberitakan injil kingdom ke seluruh bumi berhuni demi pengembangluasan dan perkembangan benih, gen, kingdom untuk mengkonsumasikan zaman ini—Mat. 24:14.

IV. Dari segi pengalaman, meraja dalam hayat bermaksud berada di bawah pemerintahan hayat divin:

- A. Kristus ialah teladan meraja dalam hayat dengan berada di bawah pemerintahan hayat divin Bapa—bd. 8:5-13.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua Belas (sambungan)

- B. Paulus ialah teladan seorang yang berada di bawah pemerintahan hayat divin dalam kehidupan dan ministrinya—2 Kor. 2:12-14.
 - C. Semua percayawan yang telah menerima kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran perlu berlatih agar dihadkan dan dibatasi dalam hayat divin; kehidupan yang berada di bawah pemerintahan kingdom ialah kehidupan yang mempunyai keadilbenaran, kedamaian, dan keriangan dalam Roh Kudus; hidup secara demikian bererti melayan Kristus sebagai abdi, dan kehidupan sedemikian diperkenan Tuhan dan teruji lulus oleh manusia—Roma 14:17-18; bd. 1 Kor. 12:3.
- V. Buku Ulangan mewahikan bahawa seorang raja yang wajar mula-mulanya harus diajar, dikawal, diperintah, dan dikuasai oleh sabda Tuhan (17:14-15, 18-20); prinsip ini sama dengan para penatua dalam gereja-gereja dan kita semua yang beraspirasi untuk meraja dalam hayat (2 Tim. 3:14-17):**
- A. Untuk mentadbir dan mengurus gereja, para penatua harus dikonstitusikan semula dengan sabda Tuhan (1 Tim. 3:2; 5:17); hasilnya, mereka berada di bawah pemerintahan Tuhan, yakni di bawah pentadbiran dan penguasaan Tuhan.
 - B. Dengan itu, secara spontan Tuhan akan berada dalam keputusan mereka, dan penatua akan mewakili Tuhan untuk mengurus hal ehwal gereja; pengurusan sedemikian ialah teokrasi.
 - C. Di bawah pimpinan Ezra dan Nehemia, umat Israel yang kembali itu dikonstitusikan semula secara kolektif oleh Tuhan dan dengan Tuhan menerusi sabda-Nya untuk menjadi satu bangsa sebagai kesaksian Tuhan; mengkonstitusikan semula umat Tuhan bererti mendidik mereka dengan meletakkan mereka ke dalam Sabda Tuhan agar mereka ditepui sabda—Neh. 8:1-18.
 - D. Sabda Tuhan adalah satu dengan Roh itu (Yoh. 6:63; Ef. 6:17); dengan membaca Sabda divin setiap hari, sabda Tuhan bekerja dalam kita, dan Roh itu, menerusi sabda, mendispenkan sifat Tuhan berserta elemen Tuhan ke dalam diri kita secara spontan, agar kita dikonstitusikan dengan Tuhan.
- VI. Untuk meraja dalam hayat, kita juga perlu berada di bawah pemerintahan Roh itu; catatan kehidupan Yusuf ialah wahi tentang pemerintahan Roh itu, kerana pemerintahan Roh itu ialah aspek meraja bagi pekudus yang matang; inilah kehidupan yang meraja dalam hayat, yang berada di bawah pengehadan dan pembatasan hayat divin dalam realiti kingdom Tuhan, dan ini lebih tinggi daripada mana-mana aspek lain Roh itu—Roma 5:17, 21; 14:17-18; 1 Kor. 2:15-16; 2 Kor. 2:13-14; 3:17-18; 2 Tim. 4:22; Wahi 4:1-3:**
- A. Yusuf “tukang mimpi” (Kej. 37:19), bermimpi bahawa menurut pandangan Tuhan, umat-Nya ialah berkas gandum yang penuh hayat dan jasad syurgawi yang penuh cahaya (ay. 5-11); dua mimpi Yusuf (ay. 7, 9), adalah daripada Tuhan, menyingkapkan kepadanya pandangan divin Tuhan berkenaan sifat, kedudukan, fungsi, dan matlamat umat Tuhan di bumi.
 - B. Mimpi-mimpi Yusuf menguasai kehidupannya dan mengarah kelakuannya; dia berkelakuan dengan begitu unggul dan mengagumkan kerana dia diarahkan oleh visi yang dilihat dalam mimpiinya (bd. Kis. 26:19); abang-abangnya melepaskan kemarahan mereka (Kej. 37:18-31) dan mengumbar dalam nafsu mereka (38:15-18), tetapi Yusuf menundukkan kemarahannya dan menaklukkan nafsunya (39:7-23), berkelakuan sebagai berkas yang penuh dengan hayat dan berperilaku seperti bintang syurgawi yang bersinar dalam kegelapan.
 - C. Kehidupan Yusuf di bawah visi syurgawi ialah kehidupan kingdom syurga-syurga yang dihuraikan dalam Matius 5—7; dengan menjalani kehidupan sedemikian,

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Dua Belas (sambungan)

dia bersedia sepenuhnya untuk memerintah sebagai raja; menurut konstitusi kingdom syurgawi yang diwahikan dalam bab-bab ini dalam Matius, kemarahan kita harus ditundukkan dan nafsu kita harus ditaklukkan (5:21-32).

- D. Sebagai wakil dalam aspek meraja bagi hayat yang matang, Yusuf menikmati hadirat Tuan, dan seiring dengan itu, dia menikmati kuasa, kemakmuran, dan berkat Tuan—Kej. 39:2-5, 21, 23; Kis. 7:9.
- E. Walaupun Yusuf penuh dengan perasaan dan sentimen manusia terhadap saudara-saudaranya, dia menahan diri dan menyimpan semua perasaannya di bawah pemerintahan Roh itu; dia menyangkal dirinya dan meletakkan diri sepenuhnya di bawah pimpinan Tuhan yang maha penentu, berperilaku semata-mata untuk kepentingan Tuhan dan umat-Nya—Kej. 42:9, 24; 43:30-31; 45:1-2, 24.
- F. Yusuf ialah satu gambaran yang hidup bagi apa yang diwahikan dalam Wasiat Baru; dia seorang yang menyangkal diri, yang tidak ada kepentingan diri, kenikmatan diri, perasaan diri, cita-cita diri, atau matlamat diri; setiap perkara adalah untuk Tuhan dan untuk umat Tuhan; penyangkalan diri Yusuf dan pengehadannya di bawah tangan Tuhan yang maha penentu merupakan kunci bagi amalan kehidupan kingdom—Kej. 45:24; Mat. 16:24; 2 Taw. 1:10; Yes. 30:15a; Flp. 1:9; 1 Tim. 5:1-2; 1 Tes. 3:12; 4:9; 2 Tes. 1:3; Roma 12:10; 1 Yoh. 4:9; Ibr. 13:1.
- G. Yusuf sedar bahawa Tuhanlah yang telah mengutus dia ke Mesir; dalam Kejadian 50:20 dia berkata kepada abang-abangnya, “Meskipun kamu berniat jahat terhadapku, namun Tuhan mempunyai niat baik” (45:5, 7; 50:19-21; bd. 41:51-52); inilah realiti bagi kata-kata Paulus dalam Roma 8:28-29; Yusuf menerima segala-gala yang dilakukan saudara-saudaranya terhadapnya sebagai sesuatu yang daripada Tuhan, dan dia melipurkan orang yang bersalah terhadapnya (Kej. 45:5-8; 50:15-21); betapa agungnya kurnia, dan betapa unggulnya roh yang dimilikinya!
- H. Kita harus menggunakan “teleskop divin” untuk melihat menerusi masa dan melihat Yerusalem Baru; di situ tidak ada apa yang lain kecuali berkas-berkas yang penuh hayat dan bintang-bintang yang penuh cahaya; semakin kita matang dalam hayat, semakin kurang kita bercakap negatif tentang pekudus atau gereja—bd. 38:27-30; Mat. 7:1-5; 1 Ptr. 3:8-9.

VII. **Kita perlu melihat dan sampai pada matlamat meraja dalam hayat; apabila kita meraja dalam hayat, hidup di bawah pemerintahan hayat divin, hasilnya ialah kehidupan Tubuh yang sebenar dan praktikal diekspresikan dalam kehidupan gereja—Roma 12:1-4, 9-12, 15-18; 14:1-9; 15:1-13:**

- A. Sebagai orang yang percaya ke dalam Kristus, kita telah dipindahkan ke dalam kingdom Anak yang dikasihi Tuhan, dan dalam kehidupan gereja, kasih itu serba boleh (Kol. 1:12-13); Tubuh membina dengan sendiri dalam kasih (1 Kor. 8:1; Ef. 1:4; 3:17; 4:2, 15-16; 5:2), dan kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan segala hal demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik (1 Kor. 12:31b; 13:4-8a).
- B. Jika kita tidak mempunyai Kristus sebagai kasih, maka semua pembicaraan kita bagaikan “gong yang berdengung” dan “simbal yang berkelentang”, yang menge luarkan bunyi tetapi tanpa hayat—ay. 1.
- C. Kehidupan gereja bukan balai polis atau mahkamah tetapi rumah yang penuh kasih untuk mengasuh anak-anak rohani, hospital untuk menyembuhkan dan memulihkan orang yang sakit, serta sekolah untuk mengajar orang dalam kasih—Mat. 9:12; 2 Kor. 11:29a; Yoh. 8:7, 10-11; 1 Kor. 9:22; Luk. 15:1-7.

VIII. **Apabila kita meraja dalam hayat, kita membenarkan Kristus yang huni secara dalaman sebagai kurnia ini meraja dalam kita sehingga “membawa**

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua Belas (sambungan)

kepada hayat abadi”; inilah konsumasi pemerajaan dalam hayat—Ibr. 4:16; Roma 5:17, 21:

- A. Yohanes 4:14b berkata, “Air yang akan Kuberikan kepadanya akan menjadi sumber mata air dalamnya, yang memancur keluar ke dalam hayat abadi.”
- B. *Ke dalam (membawa kepada dalam* Roma 5:21) memperkatakan destinasi; hayat abadi ialah destinasi Tuhan Tritunggal yang mengalir; *ke dalam* juga bermaksud “menjadi”.
- C. Dengan menikmati Tuhan Tritunggal yang mengalir—Bapa sebagai sumber hayat, Anak sebagai mata air hayat, dan Roh sebagai sungai hayat—kita menerima kelimpahan kurnia untuk menjadi Yerusalem Baru yang merupakan totaliti hayat Tuhan, kota hayat; oleh itu, hasil dan konsumasi kita meraja dalam hayat secara uniknya dan muktamadnya haruslah matlamat ekonomi abadi Tuhan—Yerusalem Baru.